

LEMBARAN KERJA BAHASA MELAYU TAHUN 2

Bucida yang Cantik

Nama : _____ Tarikh : 24 Ogos 2021

Arahan : Isi tempat kosong dengan maklumat yang tepat.

Bucida yang Cantik

Aidil suka melihat pokok Bucida. Dia ingin menanam pokok ini di hadapan rumahnya. Dia mencari maklumat tentang pokok Bucida dalam Internet.

Terdapat dua jenis pokok Bucida, iaitu yang berdaun hijau dan yang berdaun putih. Saiz daunnya kecil. Dahan pokok Bucida bertingkat-tingkat.

Pokok ini mudah ditanam kerana tidak memerlukan penjagaan yang rapi. Oleh itu, pokok ini banyak ditanam di pinggir jalan, di taman dan di halaman rumah.

Pokok Bucida mempunyai akar yang kuat. Pokok ini dapat menahan tiupan angin yang kencang. Selain itu, orang ramai dapat berteduh di bawah pokok ini selepas penat bermain atau beriadah.



Pokok Bucida

